

### 1. Zakaria Gesa Campurtangan SPRM



**ZAKARIA (tengah) keluar dari Menara Felda selepas dipaksa bercuti serta-merta.**

KUALA LUMPUR: "Saya syorkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menyiasat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV)," kata Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Zakaria Arshad.

Beliau membuat gesaan itu susulan isu beliau dipaksa bercuti serta-merta sebagai Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV oleh Lembaga Pengarah syarikat itu.

"Saya juga bersedia untuk disiasat dan mengesyorkan SPRM datang menyiasat FGV supaya senang membuktikan jika ada apa-apa perkara yang tidak baik berlaku dalam FGV.

"SPRM boleh menyiasat saya atau pengurusan dan peringkat tertinggi pengurusan atasan untuk mendapatkan bukti yang sahih.

"Dengan ini, semua boleh mencapai keadilan," katanya pada sidang media dengan BH dan NST di pejabatnya di sini, hari ini.



**ZAKARIA ketika mengadakan pertemuan dengan wartawan BH dan NST sebelum beliau dipaksa bercuti berkuat kuasa serta merta oleh lembaga pengarah syarikat.**

Sebelum ini, penulis blog, Raja Petra Kamaruddin menyatakan Pengurus FGV, Tan Sri Isa Samad sedang berusaha untuk menyingkirkan Zakaria daripada jawatannya.

Raja Petra dalam portal miliknya mendakwa Isa mahu menyingkirkan Zakaria kerana dianggap terlalu lurus dan tidak mahu meluluskan urus niaga 'di bawah meja' yang Isa mahukan.

**2. 3 dilantik Ahli Lembaga Pengarah baharu INTEGRITI**

*TAN Sri Dr Madinah Mohamad, Datuk Dzulkifli Ahmad dan Datuk Seri Zainal Rahim Seman.*

KUALA LUMPUR: Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) hari ini mengumumkan pelantikan tiga Ahli Lembaga Pengarah baharu termasuk Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad yang menggantikan Tan Sri Ambrin Buang, berkuat kuasa 23 Februari lalu.

Pengumuman dibuat Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga Pengerusi INTEGRITI selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-13 institut itu di Menara INTEGRITI, di sini.

Turut dilantik adalah Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad bagi menggantikan bekas Ketua Pengarah suruhanjaya itu, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkuat kuasa 1 Ogos tahun lalu.

Seorang lagi adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman, bagi menggantikan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal berkuat kuasa 16 Januari lalu.

Dalam pada itu, Ali berkata pelantikan ketiga-tiga Ahli Lembaga Pengarah terbabit diperakui dalam mesyuarat berkenaan dengan ketika ini seramai 11 Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI dan jumlah itu boleh ditambah sehingga maksimum 17 orang mengikut keahlian institut itu.

"Kami menyasarkan 1,000 keahlian dalam tempoh tidak ditetapkan serta setakat ini kita ada lebih 100 ahli dan ia akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

"Setakat ini INTEGRITI sudah menganjurkan pelbagai program peringkat domestik dan antarabangsa termasuk Konvensyen Integriti Nasional dan Persidangan Integriti Pendidikan Tinggi," katanya.



Rabu, 7 Jun 2017

### 3. 4 Datuk antara 6 individu direman 5 hari



*ANGGOTA SPRM mengiringi enam individu termasuk empat bergelar Datuk ke Mahkamah Majistret Putrajaya, hari ini, untuk mendapatkan perintah reman bagi membantu siasatan berhubung rasuah dan salah guna kuasa membabitkan pinjaman ahli koperasi sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).*

PUTRAJAYA: Enam individu termasuk empat bergelar Datuk direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung rasuah dan salah guna kuasa membabitkan pinjaman ahli koperasi sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman di sini hari ini, selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka yang berusia lingkungan 42 hingga 68 tahun itu direman bermula hari ini hingga Ahad ini bagi membolehkan siasatan dijalankan.

Kesemua mereka ditahan di beberapa lokasi di Selangor dan Kuala Lumpur kira-kira jam 8 pagi hingga 10 pagi semalam.

Mereka yang ditahan adalah ahli lembaga pengarah Koperasi Telekom Malaysia (KOTAMAS) terdiri daripada pengurus; setiausaha; bendahari; seorang ahli lembaga koperasi dan isterinya, selain seorang individu daripada sebuah syarikat pembekal.

Sumber berkata, mereka ditahan bagi membantu siasatan selepas disyaki memperdaya tidak kurang daripada 450 anggota koperasi di bawah naungan mereka yang kemudian menghasilkan komisyen ratusan ribu ringgit kepada anggota-anggota lembaga berkenaan.

Difahamkan, ahli lembaga pengarah koperasi berkenaan mendaftar tanpa kebenaran kesemua peminjam di bawah naungan mereka dalam sebuah syarikat jualan langsung (MLM).

Katanya, anggota-anggota koperasi tidak mengetahui yang mereka meminjam dan kemudian melabur dalam syarikat MLM itu, yang didaftarkan di bawah naungan ahli-ahli lembaga berkenaan.



Rabu, 7 Jun 2017

#### 4. FGV: Zakaria tiba di SPRM Putrajaya



*Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), Datuk Zakaria Arshad tiba di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya bagi memberi keterangan berkaitan isu tunggakan bayaran oleh syarikat Safitex bagi produk Delima Oil Products (DOP).*

PUTRAJAYA: Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), Datuk Zakaria Arshad hadir di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, sebentar tadi.

Zakaria tiba di SPRM pada jam 2.20 petang tadi dan pertemuan dengan SPRM masih lagi berlangsung.

Ia dipercayai berhubung dakwaannya berkaitan transaksi perniagaan dan perolehan membabitkan syarikat itu.

Zakaria ketika ditemui media sebelum itu berkata, beliau dipanggil oleh SPRM pada hari ini dan akan menyerahkan dokumen berkaitan FGV.

"Saya nak menyerahkan dokumen bersangkut paut dengan FGV saja," katanya ketika ditemui media sebelum memasuki bangunan SPRM.

Ditanya sama ada beliau akan menjawab mengenai dakwaan terhadapnya berhubung isu tunggakan bayaran syarikat Safitex kepada Delima Oil Products (DOP), Zakaria berkata, beliau akan menjawab apa saja soalan yang diajukan kepadanya.

Semalam, Zakaria dan tiga lagi pengurusan kanan FGV dan anak syarikatnya dipaksa bercuti berkuat kuasa serta-merta.

Tiga yang lain ialah Ketua Pegawai Kewangan, Ahmad Tifli Mohd Talha; Pengurus Kanan DOP, Kamarzaman Abd Karim dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar.

FGV dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia menyatakan arahan bercuti itu bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan, membabitkan isu tunggakan bayaran oleh syarikat Safitex bagi produk DOP.

Pengerusi FGV, Tan Sri Isa Samad pada sidang medianya semalam, berkata siasatan awal FGV mendapati wujud unsur salah laku dan tidak mengikut prosedur berkaitan isu tunggakan bayaran syarikat Safitex bagi produk DOP, yang diperoleh hasil siasatan audit dalaman berdasarkan audit kewangan PricewaterhouseCoopers (PwC).

Zakaria dalam temubual eksklusif bersama BH dan NST di Menara Felda, semalam, mendakwa isu tunggakan bayaran oleh syarikat Sofitex kepada DOP, dipercayai dibangkitkan hanya untuk dijadikan alasan bagi menyingkirkan beliau.

Katanya, beliau dinasihatkan untuk meletakkan jawatan oleh Isa selepas Ahli Lembaga Pengarah FGV mengarahkan beliau berbuat demikian pada 31 Mei lalu.

Zakaria juga menggesa SPRM menyiasat urusan perolehan dan pembelian oleh FGV kerana ada banyak urusan yang didakwa mencurigakan.

## 5. SPRM ke FGV ambil dokumen



**BEBERAPA** pegawai dan anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di lobi Menara Felda pagi ini untuk menyiasat dan mengambil dokumen berkaitan siasatan terhadap urusniaga tertentu oleh anak syarikat FGV Delima Oil Produk Sdn Bhd.

KUALA LUMPUR: Sepasukan pegawai dan anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilihat memasuki bangunan Menara Felda, di Jalan Persiaran KLCC, di sini, susulan isu membabitkan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) ketika ini.

Sepasukan 20 pegawai dan anggota SPRM itu tiba di pekarangan bangunan itu, yang menempatkan ibu pejabat FGV pada 10 pagi tadi dan kemudiannya naik ke pejabat berkenaan.

Mereka turut dilihat membawa beg dokumen. Difahamkan, pasukan SPRM itu mahu mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan di pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FGV, Datuk Zakaria Arshad yang ditempatkan di tingkat 45 bangunan terbabit dan dijangka selesai pada 3 petang.

Sekumpulan empat pegawai SPRM lain tiba di pejabat berkenaan pada 1.30 tengah hari, dengan seorang daripada mereka turut membawa beg dokumen.

Semalam, Zakaria tampil di ibu pejabat SPRM di Putrajaya dengan berbekalkan beberapa dokumen berhubung FGV untuk memberi keterangan.

Pada Selasa, Zakaria dan tiga lagi pegawai pengurusan kanan FGV dan anak syarikatnya diarahkan bercuti berkuat kuasa serta-merta.

Selain Zakaria, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan FGV, Ahmad Tifli Mohd Talha, Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products Sdn Bhd, Kamarzaman Karim, dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar telah diminta bercuti.


FGV memaklumkan kepada Bursa Malaysia bahawa Zakaria akan bercuti sementara menunggu hasil siasatan pelbagai urus niaga yang dijalankan oleh anak syarikatnya, Delima Oil Products Sdn Bhd.

Zakaria dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif FGV pada 1 April tahun lalu.



Isnin, 12 Jun 2017

#### 6. Kemelut FGV dibincang dengan PM Rabu ini



TAN Sri Shahrir Abdul Samad.

CHUKAI: Pengurus FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Rabu ini untuk membincangkan jalan penyelesaian terhadap kemelut Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV).

Shahrir berkata, pertemuan itu yang dijangka berlangsung di Kementerian Kewangan, Putrajaya akan membincangkan pelbagai perkara berkaitan FGV secara lebih terperinci.

"Saya kena jumpa Perdana Menteri untuk tahu lebih lanjut apa pandangan, apa yang dimaksudkan dengan laporan-laporan mengenai FGV ini, sebab saya duduk di luar.

"FELDA hanya sebagai pemegang saham terbesar dalam FGV. "Mungkin dalam perjumpaan itu nanti akan tahu apa cadangan-cadangan yang sesuai, macam mana nak selesaikan isu ini. Insya-Allah sempat sebelum raya ni. Ada lebih kurang dua minggu lagi (untuk selesaikan)," katanya.

Shahrir berkata demikian pada majlis Ihya Ramadan Warga FELDA bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Pengurus FELDA di Felda Kerteh 6 hari ini.



Selasa, 13 Jun 2017

#### 7. KD Perdana gagal patuhi SOP - Panglima TLDM



**PANGLIMA** Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin

KUALA LUMPUR: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) merumuskan insiden kapal KD Perdana terputus hubungan dengan bot peronda sehingga seorang pegawai dan lapan anggota hilang pada 20 Mei lalu berpunca daripada kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Panglima TLDM, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, berkata siasatan yang dijalankan mendapati insiden itu berpunca daripada kegagalan pegawai pemerintah untuk mengikuti SOP, iaitu memastikan bot yang diarahkan untuk operasi mengusir bot asing sentiasa berada di bawah pengawasannya

"Saya berpendapat siasatan menunjukkan sesuatu yang jelas, iaitu pegawai pemerintah kapal telah gagal untuk mematuhi SOP yang relevan diguna pakai ketika operasi kapal di perairan.

"Pegawai pemerintah ketika itu terlalu ghairah untuk mengusir bot nelayan yang mencerobohi perairan negara, sehingga gagal menjalankan pengawasan ke atas anak kapal yang ditugaskan mengusir bot asing dan ia adalah satu tindakan yang kita tidak boleh terima," katanya pada sidang media selepas perasmian sambutan Hari Inovasi TLDM di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, di sini semalam.

Ahmad Kamarulzaman, berkata pegawai pemerintah terbabit telah dilepaskan daripada tugas memerintah kapal dan tindakan lanjut akan diputuskan oleh Panglima Wilayah Laut 1, Datuk Mohd Reza Mohd Sany, kemudian.

"Insiden ini adalah sesuatu yang saya tidak boleh terima, terutama apabila membawa kepada pembaziran wang rakyat yang digunakan dalam operasi mencari dan menyelamat.

"Untuk kes ini kita sudah kenal pasti punca dan tindakan pun telah kita ambil, dengan itu kita menutup proses siasatan," katanya.

Dalam kejadian pada 20 Mei lalu, seorang pegawai dan lapan anggota TLDM hilang apabila bot peronda mereka terputus hubungan dengan kapal induk KD Perdana di perairan Sedili, Johor.

Bot peronda dan sembilan anak kapal itu ditemui dalam keadaan selamat 90 batu nautika dari perairan timur Kuantan 2 hari kemudian.

#### 8. Projek ECRL pengubah minda penduduk



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian kerjasama antara Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Darwis Abdul Razak dengan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur pada majlis perasmian Program Latihan Kemahiran Industri Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Kementerian Kewangan.

PUTRAJAYA: Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) bukan sahaja dilihat sebagai sebuah projek titik perubahan tetapi juga turut membabitkan perubahan minda, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, projek ECRL itu bakal membuka minda orang luar bandar di Pantai Timur bahawa era moden sudah tiba di rantau mereka.

"Beberapa bulan lalu, saya terbabit dengan program di Bachok, Kelantan dan apabila penduduknya melihat rupa tren berkenaan, mereka tidak dapat bayangkan perkhidmatan rel yang sebeginu moden dan canggih ini berada di kawasan mereka.

"Apabila saya tengok reaksi mereka ini, saya melihat projek ini bukan sahaja sebagai 'game changer' tetapi juga 'mindset changer', yang mana ia membuka minda orang luar bandar di Pantai Timur ini bahawa era moden sudah tiba bagi rantau mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Latihan Industri Projek ECRL Negaraku di Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Pada majlis itu, sebanyak 13 memorandum persefahaman (MoU) dipersetujui dan upacara pertukaran MoU berkenaan dilakukan.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, berdasarkan kajian pihaknya, sebanyak 95 peratus responden menyokong pelaksanaan projek terbabit sekali gus menunjukkan ia mendapat sokongan dan dorongan daripada rakyat.

Dalam pada itu, beliau berkata, Program Latihan Industri Projek ECRL Negaraku adalah keberhasilan usaha kerajaan membawa pembangunan setara ke wilayah Pantai Timur.

Katanya, seramai 3,600 anak tempatan bakal menjalani program latihan industri yang memfokuskan kepada memenuhi keperluan kerja dalam bidang rel dan kereta api ECRL.



Rabu, 14 Jun 2017

#### 9. FGV: Laporan pihak bebas siap - PM



**PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di Putrajaya, turut kelihatan Menteri Kewangan II dan Ketua Setiausaha Perbandaharaan Kementerian Kewangan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah. - Foto Mohd Fadli Hamzah**

**PUTRAJAYA:** Laporan pihak bebas yang dilantik kerajaan bagi menyelesaikan kemerdekaan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) sudah siap, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, laporan itu akan dibentangkan Datuk Seri Idris Jala kepada beliau dalam masa terdekat.

"Laporan itu sudah disiapkan, tapi sedang meneliti segala fakta dan apa keputusan yang sebaik-baiknya berdasarkan tiga prinsip iaitu undang-undang syarikat, urus tadbir yang baik dan proses yang adil.

"Idris akan datang semula (bertemu saya)...saya mahu dia melihat beberapa pendekatan dan pilihan yang boleh diambil FGV," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara (MKN) di sini, hari ini.

Kerajaan minggu lalu melantik bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu sebagai pihak bebas untuk menyelesaikan kemelut FGV.

Pejabat Perdana Menteri, dalam satu kenyataan, mengumumkan Idris akan bertanggungjawab mengumpul fakta kes dan membuat cadangan penyelesaian berhubung keputusan FGV mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua pengurusan kanannya, bercuti berkuat kuasa 6 Jun lalu.



Khamis, 15 Jun 2017

#### 10. RM10 juta laksana aktiviti pendidikan Islam



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengangkat naskah resolusi sebaik menerima daripada Pengurus Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor (kanan) selepas menutup Majlis Warshah Islah Pendidikan Islam, LEPAI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya hari ini. Hadir sama Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid (dua dari kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom (empat dari kiri).

PUTRAJAYA: Sebanyak RM10 juta akan diperuntukkan di peringkat permulaan bagi memperkasa dan melaksanakan aktiviti pendidikan Islam di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata peruntukan itu bukan datang daripada kerajaan, sebaliknya daripada beberapa organisasi dan yayasan yang komited terhadap usaha itu.

Selain itu katanya, Institut Pendidikan Guru (IPG) Bangi akan dijadikan sebagai pusat latihan lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) bagi melaksanakan pelbagai program yang dirancang.

"Kita akan bersama dengan kerajaan negeri bagi memperkuuh dan menyelaraskan pendidikan agama sedia ada di peringkat negeri," katanya pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Pembaharuan Pendidikan Islam LEPAI di sini, hari ini.

Sebanyak tujuh resolusi diputuskan pada bengkel selama tiga hari bermula Selasa lalu itu, yang berkaitan pendidikan Islam di negara ini.

Ahmad Zahid turut mengumumkan penubuhan sebuah sekretariat di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang akan dipengerusikan sendiri oleh beliau bagi meneliti semua resolusi berkenaan dan pelaksanaannya.

Katanya, beliau bersama beberapa menteri berkaitan akan menghadap Majlis Raja-Raja bagi mempersempahkan resolusi yang diputuskan itu.



Isnin, 19 Jun 2017

#### 11. 4 penemuan laporan bebas FGV



PUTRAJAYA: Laporan bebas diketuai Datuk Seri Idris Jala mengenai krisis Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), menggariskan empat penemuan utama untuk tindakan selanjutnya.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, kerajaan dan FGV sudah meneliti laporan oleh pihak bebas itu yang diketuai bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu.

Laporan itu adalah merujuk kepada tindakan Lembaga Pengarah FGV yang menggantung Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Zakaria Arshad, Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ahmad Tifli Mohd Talha dan dua pengurusan tertinggi lain.

Berikut empat penemuan utama yang digariskan:

1. Terdapat fakta yang mencukupi dan alasan munasabah yang bagi Lembaga Pengarah FGV memulakan prosiding disiplin terhadap CEO, CFO dan dua pengurusan tertinggi berhubung dakwaan pelanggaran prosedur dalam Delima Oil Products Sdn Bhd (DOP), FGV perlu teruskan prosiding berkenaan.

FGV perlu meneruskan prosiding berkenaan dan perlu ditekankan bahawa tiada siapa yang melakukan apa-apa salah laku pada masa ini melainkan dibuktikan melalui siasatan dalaman. Semasa siasatan dalaman itu, empat pegawai pengurusan berkenaan boleh membela diri mereka sejajar dengan undang-undang keadilan asasi,"

2. FGV dicadangkan untuk menujuhkan pasukan "governance quantum leap" bagi memperbaiki tadbir urus dan kawalan perniagaan di peringkat kumpulan dan subsidiari.

Berbanding membuat penambahbaikan tambahan, FGV dengan bantuan pasukan ini contohnya perlu mengenal pasti amalan terbaik, polisi dan prosedur di dalam dan luar industri dan diguna pakai di FGV.

3. Kemerosotan prestasi kewangan FGV dan FELDA beberapa tahun ini memerlukan kajian perniagaan menyeluruh, perlu diselesaikan segera.

4. Bagi menegakkan integriti, semangat kesaksamaan bagi siasatan yang sedang berjalan dan tadbir urus korporat FGV dan DOP yang betul, kerajaan memutuskan melantik Tan Sri Isa Samad sebagai Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob sebagai Pemangku Pengerusi FGV.

Pejabat Perdana Menteri turut menjelaskan, laporan bebas dan keputusan yang dibuat kerajaan serta FGV tiada kaitan dengan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap syarikat itu.

Siasatan SPRM masih berjalan dan hasilnya akan didedahkan selepas tugas mereka selesai, kata kenyataan itu.

**12. FGV: SPRM lengkap siasatan dalam masa terdekat**

**BEKAS Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) Tan Sri Isa Samad ditemubual pemberita sebaik keluar dari ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas memberi keterangan berkaitan siasatan terhadap FGV.**

**PUTRAJAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yakin dapat melengkapkan kertas siasatan berhubung isu rasuah dan salah guna kuasa dalam Felda Global Ventures Bhd (FGV) dalam tempoh terdekat.

SPRM berkata, sebaik kertas siasatan lengkap ia akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, hari ini pihaknya mengambil keterangan bekas Pengerusi FGV, Tan Sri Isa Samad dan isteri, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid bagi melengkapkan siasatan kes berhubung dakwaan membabitkan kedua-duanya.

"Susulan itu, SPRM akan meneliti keterangan yang diberikan oleh Isa serta isterinya dan siasatan SPRM tertumpu kepada isu rasuah dan salah guna kuasa.

"Sepanjang proses itu, kedua-duanya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM.

"SPRM juga yakin akan dapat melengkapkan kertas siasatan dalam tempoh terdekat sebelum diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya," katanya.

**13. SPRM, EAIC wujud jawatankuasa bersama tangani rasuah**

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bersetuju mewujudkan satu jawatankuasa bersama bagi memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan agensi penguatkuasaan.

SPRM dalam satu kenyataan hari ini, berkata perkara itu dipersetujui hasil pertemuan dan perbincangan antara Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Dzulkifli Ahmad bersama delegasi EAIC yang diketuai Pengurusnya, Datuk Yaacob Md Sam di sini, semalam.

"SPRM dan EAIC mengadakan pertemuan bagi membincangkan jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak untuk memerangi gejala rasuah, salah guna kuasa serta salah laku dalam kalangan pegawai dan anggota agensi penguatkuasaan, khususnya 21 agensi di bawah seliaan EAIC.

"Hasil perbincangan itu, kedua-dua pihak bersetuju untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa bersama yang akan memberi tumpuan kepada perkongsian maklumat, kepakaran, teknologi dan kajian masing-masing sebagai medium jalinan kerjasama strategik," katanya.

Tambah kenyataan itu, kedua-dua pihak juga menyatakan kesediaan untuk mengadakan operasi bersama pada masa akan datang supaya isu yang membabitkan bidang kuasa masing-masing dapat ditangani secara lebih berkesan dan menyeluruh.

"Kerjasama ini juga mampu memberi peluang kepada SPM bagi merealisasikan matlamatnya untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam tempoh tiga tahun iaitu menjelang tahun 2020.

"SPRM dan EAIC berharap inisiatif kerjasama ini akan menghantar mesej yang jelas kepada masyarakat bahawa kedua-dua badan ini benar-benar serius dalam memerangi dan melumpuhkan jenayah rasuah dan salah guna kuasa, khususnya dalam kalangan pegawai dan anggota penguat kuasa," katanya.

## 14. EPU lulus 3 projek besar di Sabah



Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rahman Dahlan, menyampaikan cek kepada wakil Pondok Fii Dzilalil Quran Kota Belud pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Datuk Rahman Dahlan di Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU: Unit Perancang Ekonomi (EPU) meluluskan tiga projek berskala besar di Sabah sejak kira-kira setahun lalu bagi memenuhi keperluan pembangunan infrastruktur dan ekonomi negeri ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata projek terbabit ialah pembesaran Lapangan Terbang Sandakan (RM80 juta), naik taraf Jalan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bernilai RM400 juta dan projek bekalan air Ranau (RM29 juta).

Beliau berkata, pelaksanaan projek terbabit dan banyak lagi projek lain adalah sejajar dengan pendekatan EPU yang diterajunya meletakkan pembangunan Sabah sebagai agenda penting negara.

"Sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap EPU, saya akan melihat agenda Sabah sebagai agenda yang penting dalam negara kita sebab negeri ini masih memerlukan banyak pembangunan.

"Saya mendapat banyak nasihat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Menteri Sabah untuk melihat agenda mana yang penting dan perlu diberi perhatian utama di negeri ini.

"Sejak menerajui EPU, kita sudah bincang soal kehendak dan keperluan pembangunan Sabah. Saya bangga melaporkan bahawa ada beberapa projek besar yang telah kita luluskan bajetnya," katanya kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri beliau di sini, hari ini.

Antara yang hadir ialah Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yahya Hussin; dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak.

Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, berkata beliau meminta kebenaran Perdana Menteri untuk memberikan peruntukan RM29 juta bagi menangani masalah bekalan air yang meruncing di Ranau.

Katanya, perkara itu diberi perhatian selepas Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, mengemukakan masalah berkenaan yang menjelaskan ribuan penduduk daerah terbabit.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, kehadiran ribuan pengunjung pelbagai kaum termasuk pemimpin parti pembangkang ke rumah terbuka beliau menggambarkan semangat kekitaan dan kekeluargaan yang erat dalam kalangan rakyat di Sabah.

"Saya berharap semangat kekitaan dan kekeluargaan, perasaan kasih sayang antara satu sama lain yang kita amalkan sekarang berkekalan sampai bila-bila.

"Kita mungkin berbeza pendapat dari segi politik, ekonomi dan kerajaan tapi sudah tentu kita perlu mencari titik persamaan untuk menyatupadukan rakyat di Malaysia," katanya.

**15. Kaji cadangan gaji penjawat awam naik 3 peratus****KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa**

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji permintaan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mahu gaji penjawat awam serta pencen pesara dinaikkan antara dua hingga tiga peratus dalam Bajet 2018.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata beliau akan berbincang terlebih dahulu dengan CUEPACS bagi mendapat maklumat lebih jelas berhubung permintaan kenaikan gaji dan pencen berkenaan.

"Saya perlu berbincang dengan CUEPACS untuk mengetahui apa yang dimaksudkan dengan permintaan kenaikan gaji dan pencen sehingga tiga peratus itu."

"Ini kerana kerajaan sudah melaksanakan kenaikan gaji sebanyak tiga peratus secara automatik bagi penjawat awam yang sudah mencapai had maksimum tangga gaji dalam jawatan masing-masing sejak 2014."

"Sebelum itu, penjawat awam yang mencapai had maksimum berkenaan terpaksa menunggu kenaikan pangkat atau skim baharu (untuk kenaikan gaji)... mungkin ada perkara lain. Saya akan bincang dengan CUEPACS," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai cadangan CUEPACS yang meminta kerajaan mengkaji insentif kenaikan gaji dan pencen bagi penjawat awam serta pesara kerajaan dalam Bajet 2018 nanti.

Cadangan disuarakan Presiden CUEPACS, Datuk Aziz Muda pada 20 Jun lalu itu membabitkan kenaikan dua peratus untuk pencen pesara kerajaan serta tiga peratus bagi mereka yang sedang berkhidmat.

**16. Doktor wajib miliki insurans indemniti profesional bermula 2019**

*DATUK Seri Dr S Subramaniam.*

KUALA LUMPUR: Bermula 1 Januari 2019, semua pengamal perubatan sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta, diwajibkan memiliki insurans indemniti profesional.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata insurans itu bertujuan memberi perlindungan kepada doktor yang berdepan tindakan undang-undang seperti disaman akibat kecuaian ketika bekerja.

Beliau berkata, ketika ini insurans terbabit tidak diwajibkan kepada semua doktor perubatan di Malaysia dan hanya dibuat secara sukarela.

Katanya, mana-mana doktor yang gagal memiliki insurans terbabit selepas 1 Januari 2019, tidak akan diberikan Perakuan Amalan Tahunan (APC), sekali gus tidak layak meneruskan amalan perubatan mereka.

"Bagi doktor yang berkhidmat dengan kerajaan, insurans ini akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Namun, jika mereka ada membuat 'lokum' di klinik swasta di luar waktu perkhidmatan, maka mereka perlu mengambil insurans ini."

"Ini kerana kerajaan tidak akan menanggung sebarang pampasan sekiranya berlaku kejadian tidak diingini. Bagi doktor swasta, mereka wajib mengambil insurans ini," katanya pada sidang media di sini, sebentar tadi.

Pengenalan insurans itu adalah sebahagian daripada pindaan yang dibuat di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan Peraturan Perubatan 2017. Selain insurans, pengamal perubatan juga perlu mempunyai jumlah mata yang mencukupi dalam Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi membolehkan mereka menerima APC bermula 1 Januari 2019.

Subramaniam berkata, tujuan CPD itu adalah bagi memastikan semua doktor sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran selari dengan perkembangan semasa di dalam dunia perubatan.

"Kedua-dua perkara ini iaitu insurans dan CPD perlu disertakan bersama ketika mahu membuat permohonan APC setiap tahun," katanya.

Dr Subramaniam menjelaskan, pindaan akta itu juga akan menyaksikan fungsi Majlis Perubatan Malaysia (MMC) diperkuuhkan sebagai sebuah entiti korporat yang mempunyai kebebasan dalam melantik penjawat baharu, mewujudkan jawatan baharu, menguruskan dana kewangan serta menjana pendapatan sendiri.

"Selain itu, semua doktor pakar perubatan di Malaysia juga wajib mendaftarkan diri mereka dalam Pusat Pendaftaran Pakar Kebangsaan bermula awal tahun depan.

"Sebelum ini, pendaftaran adalah secara sukarela dan ketika ini terdapat 9,800 doktor pakar yang sudah mendaftar," katanya.



Jumaat, 30 Jun 2017

#### 17. Projek jalan, terowong Pulau Pinang bercanggah Akta 138



NAIB Presiden Gerakan, Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

KUALA LUMPUR: Kerajaan Pulau Pinang pimpinan DAP didakwa gagal mematuhi Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) dalam pelaksanaan projek pembinaan tiga jalan dan terowong dasar lautnya yang mencetuskan pelbagai kekeliruan.

Naib Presiden GERAKAN, Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai, berkata tindakan kerajaan negeri membayar penuh yuran rundingan kajian kebolehlaksanaan projek terbabit berjumlah RM208.8 juta melanggar jadual pembayaran digariskan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) seperti termaktub dalam Akta 138.

Berdasarkan akta itu, katanya, yuran rundingan perlu dibayar secara berperingkat dan bayaran penuh hanya boleh dilakukan apabila pembinaan bermula sedangkan ketika ini tiada satu pun daripada pembinaan tiga jalan atau terowong terbabit sudah dimulakan.

Beliau turut mempersoalkan kos kajian kebolehlaksanaan jalan berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang sepanjang 10.53 kilometer (km) (Pakej 1) sejumlah RM120.4 juta yang 10 kali ganda lebih tinggi berbanding kos sama bagi terowong dasar laut sepanjang 6.5 km yang hanya bernilai RM96.2 juta.

"Kenapa kerajaan negeri bayar penuh pada perunding dengan begitu cepat? Perkara ini perlu dijelaskan kerana ia bercanggah dengan undang-undang.

"Kos kajian kebolehlaksanaan Pakej 1 juga tidak masuk akal kerana sudah tentu kajian bagi terowong dasar laut sepatutnya lebih sukar dan mahal berbanding kajian membina jalan raya," katanya pada sidang media di Menara PGRM di sini, hari ini.

Sebelum ini, Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, mendakwa kerajaan Pulau Pinang membayar yuran rundingan reka bentuk pembinaan tiga jalan di bawah projek terowong dasar laut Pulau Pinang empat kali ganda lebih mahal daripada kadar maksimum yang ditetapkan LJM, iaitu lebihan bayaran sebanyak 400 peratus.

Bagaimanapun, EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, menafikannya dan mendakwa lebihan bayaran itu hanya 17.6 peratus.

Hoe Chai berkata, GERAKAN mengkaji dokumen berkaitan projek terbabit dan akan mendapatkan injunksi daripada mahkamah untuk menghentikan pelaksanaan semua projek berkenaan jika jelas berlaku perkara mencurigakan.